

# Kejujuran dan Keikhlasan Pada Perkataan dan Perbuatan

Sambungan makalah pada bulan November yang lalu

(Oleh: Muhammad Abu Zahrah)

Dimelayukan oleh Kasba

6. Tiap-tiap pekerjaan yang hendak dilakukan dalam hidup ini sewajarnya dipagari dan diselimuti oleh kejujuran dan bersedia mempertahankannya, tidak mungkin suatu pekerjaan itu boleh dan dapat dikecapi serta dinikmati atau pun menghasilkan buahnya, melainkan setelah setiap sudut dan likunya diisi, disirami dan dibajai dengan keikhlasan, dan haruslah bagi petugas itu mendasarkan segala kerjanya kerana Allah dan untuk faedah keimanan seluruhnya. Telah saya katakan tadi bahawa ibadah itu menyeluruhi semua bidang pekerjaan manusia dari sebesar-besar hinggalah kepada sekecil-kecilnya, orang yang berusaha dan bertenaga untuk menyarai hidup keluarganya adalah dalam ibadah, orang yang bertungkus lumus mengeluarkan keringatnya kerana untuk menolak kepapaan dan kepicikan hidupnya adalah dalam ibadah, pak tani yang membanting tulang adalah dalam ibadah. Justeru kerana itulah Rasulullah bersabda:

*“Mā min muslim yaghriḥ gharsān aw yazra ‘u zar‘ān faya ‘kulu minhu insān aw dābbah al-uktub lahu bihi ṣadaqah”*

Yang ertinya: “Tidak ada seorang muslim yang menyemai satu semaian atau menanam seponon kayu, kemudian dimakan oleh manusia atau binatang melainkan diberi ganjaran baginya

seperti ganjaran bersedekah”. Berusaha dan bekerja seperti ganjaran bersedekah”.

Berusaha dan bekerja untuk mendapatkan rezeki sendiri, lebih-lebih lagi untuk menolong orang-orang yang menderita dan lemah tenaganya oleh Rasulullah dijadikan sebagai suatu ibadah, untuk itu beliau telah bersabda:

*“Al-sā’ī ‘alā al-armalah wa al-yatīm ka al-mujāhidi fi sabīli ‘Lāh”*

Yang ertinya: “Orang yang berusaha dan bertenaga kerana memberi pertolongan kepada seorang janda, dan anak yatim itu samalah seperti seorang yang berjuang di jalan Allah.”

Semua pekerjaan-pekerjaan itu dapat digolongkan ke dalam ibadah yang diberi ganjaran dan pahala, jika diasas dan didasarkan kepada kejujuran dan untuk mendapatkan keredaan Allah semata-mata, janganlah sekali-kali orang yang telah mengorbankan tenaga dan usaha-usahanya itu mengungkit-ungkit dan menghina-hinakan orang yang ditolongnya lantaran pertolongannya itu, tidaklah pantas dan layak baginya mempertuankan dirinya ke atas orang itu, atau menjadikan pertolongannya itu sebagai satu-satunya jalan dan cara untuk mendapatkan pujian dan sanjungan diri manusia



Kelas pelajaran agama Islam yang diberikan oleh seorang wanita di Pusat Kebudayaan Islam di London

kepada sebahagian daripada kanak-kanak Islam.

7. Setiap petugas yang telah melaksanakan kerja-kerja yang berfaedah dikecapi bersama oleh masyarakat mereka itu termasuk ke dalam golongan orang-orang yang sedang beribadah, memungkah batu dikira sedang melakukan ibadah, jika ia berlaku jujur dalam pekerjaannya itu, dan seandainya kejujuran dan keikhlasan menjadi dasarnya, seorang buruh yang sedang mengangkat dan menyedari tugasnya melaksanakan kerja-kerja pembangunan dan mewujudkan kesenangan dan kemudahan bagi kehidupan umat manusia seluruhnya itu, adalah satu tugas yang harus dilaksanakannya tanpa adanya hasad dan dendam khusumat<sup>1</sup> kepada siapa jua pun.

Penenun kain yang sedang asyik menenun itu adalah dalam ibadah, jikalau ia jujur dan ikhlas dalam tujuannya dan menyedari yang ia sedang menghulur dan

berbuat bakti kepada masyarakat dengan jalan menghulurkan dan mengeluarkan kepada mereka berjenis-jenis pakaian, dan bukanlah semata-mata kerana gajinya yang diperolehinya itu, bukan pula untuk mendapat puja-pujaan daripada pengurus dan ketua-ketuanya, juga tidak mengharapkan keredaan dan pembalasan masyarakat dari tugas yang telah dilaksanakannya itu, tidak lain pengharapannya melainkan untuk mendapatkan keampunan dan keredaan Tuhan dengan jalan dan cara yang tidak bertentangan dengan peri kemanusiaan dan disertai dengan angkara murka.

Sekiranya ia menyedari dan menginsafi ini semuanya, dan ia gembira dengan kerjanya itu akan menimbulkan kebaikan, dan menghasilkan kepentingan bersama di antara sesama manusia, nescaya tidaklah ia akan mencuaikan kerjanya itu dan tidaklah pula dapat

<sup>1</sup> Perkataan sebenarnya ialah kesumat.

diganggu gugat atau dihalangi daripada meneruskan tugasnya, ia tidak akan meninggalkan kerjanya itu kecuali bila terdesak atau berhadapan suatu keadaan yang tidak dapat dielakkan lagi yang memaksa ia berbuat demikian, kerana ia menyedari dan menginsafi benar-benar bahawa dengan terhentinya dari meneruskan pekerjaan itu bererti menggurangkan khidmat dan sumbangannya yang sangat-sangat diperlukan oleh manusia seumumnya. Setiap pengendalian daripada meneruskan sesuatu pekerjaan itu mematkan hasil perusahaan yang sentiasa diperlu dan dihajati oleh seluruh manusia, atau sebilangan besar dari mereka itu.

8. Pekerja-pekerja kenderaan dan pengangkutan umum yang membawa orang ramai di bandar-bandar dan di sekitarnya adalah sentiasa berada dalam ibadah, leka<sup>2</sup> disertai dengan kejujuran niat dan tujuannya melaksanakan kerjanya itu, kejujuranlah yang membuatnya menyedari bahawa pekerjaan yang sedang dilakukannya itu merupakan satu-satunya kemudahan dan kesenangan dalam perpindahan dari satu tempat ke satu tempat yang lain, memudahkan pekerja-pekerja sampai ke tempat kerjanya, tugas dan kerjanya itu sama pentingnya dengan pelantikan seorang pegawai pemerintah, justeru kerana itu menjadi kewajipan dan tanggungjawabnya mengada dan memberi kemudahan dan kerehatan dalam masa mereka membawa mereka itu, juga menjadi tanggungjawabnya memudah dan menyenangkan pengangkutan dari apa segi sekalipun sama ada dari segi moral atau material, jangan sekali-kali dilakukan kekerasan dan kekasaran terhadap mereka dengan kelakuan dan tutur kata yang kesat dan menyakiti hati, dan jangan sekali-kali memperlihatkan resah gelisah dan rasa yang

kurang menyenangkan hati terhadap mereka itu atau salah seorang daripada mereka itu, malah hendaklah ia memahami benar-benar bahawa tugas penjagaan dan pengawasan yang dilakukannya terhadap mereka itu adalah suci dan luhur dan bertujuan kerana Allah, dan melaksanakan sesuatu peribadatan yang diberi ganjaran. Sekiranya ia menyimpang dan lari dari tujuan itu bererti ia telah melakukan suatu kedosaan dan kejahatan yang sangat besar. Setiap pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang walau bagaimanapun bentuk sifatnya, tidaklah terlepas dan lari dari tujuan-tujuan; untuk mendapatkan kebajikan sekiranya dilakukannya dengan tujuan kerana Tuhan, atau melaksanakannya semata-mata untuk memberi kemudahan dan kesenangan kepada manusia baik berupa kebendaaan (material) atau keluhuran budi (moral) sebagaimana yang telah saya katakan tadi, dan tujuan menempah dan menempa azab sengsara yang maha pedih dari Tuhan, atau kemarahan dan makian manusia seluruhnya, andainya dalam melaksanakan kerjanya itu merupakan penyakitnya dan penyiksaan terhadap mereka itu dengan kelancangan dan kekesatan lidahnya serta kemasaman muka atau keburukan tingkah lakunya! Hendaklah ia menyedari dan menginsafi semua perlakuan ini dan yang ada titik persamaan dengannya. Ingatlah dan sedarilah bahawa kebaikan dan kasantunan budi pekerti serta susila itu adalah sebahagian dari keimanan. Rasulullah (S.A.W) telah bersabda:

*“Innakum la tasa’ūna an-nāsa bi amwālikum fasa’ūhum bihusni akhlāqikum”*

Ertinya: ‘Sekiranya kamu tidak dapat memenuhi hajat keperluan manusia dengan harta benda kamu, penuhilah

---


<sup>2</sup> Perkataan sebenarnya ialah jika

hajat keperluan mereka dengan budi pekerti yang baik dan luhur.”

Ketahuiilah dan sedarilah bahawa budi pekerti mulia dan adab perangai yang sopan lagi mulia itu boleh menghapuskan bermacam-macam kedosaan yang tidak bisa dan boleh dihapuskan oleh perlakuan-perlakuan lain, dan hendaklah ia sentiasa mengingati sabda Rasulullah (S.A.W) yang bermaksud: “Sehampir-hampir atau sedekat-sedekat manusia kedudukannya di sisi Allah pada Hari Kiamat nanti, ialah orang yang baik dan luhur budi pekertinya, iaitu orang-orang yang bersatu padu dan menerima perpaduan. Dan sejauh-sejauh manusia kedudukannya pada Hari Kiamat nanti ialah orang yang keras hati dan

sangat tertarik kepada kejahatan, tidak mahu bersatu dan disatukan.”

9. Pegawai-pegawai kerajaan patutlah menyedari yang mereka itu sentiasa berada dalam dalam beribadatan yang mendapat sebesar-besar ganjaran dan pembalasan pahala, sekiranya mereka itu menjadikan keikhlasan sebagai motif dan tujuannya dan menyedari bahawa segala perkhidmatan dan tindakan yang dilakukannya itu tidak lebih dari berbakti kepada bangsa. Seorang qadi (hakim) yang menjalankan perbicaraan di kalangan orang ramai hendaklah memutuskan suatu persengketaan atau perbalahan itu dengan sepenuh keadilan dan saksama menurut semestinya, seperti yang diperintahkan dan



“Pintu Gerbang Kemerdekaan” yang dahulunya bernama “Pintu Gerbang al-Yaman” sebuah pintu masuk yang penting ke dalam Kota San‘ā’ kerana di sekelilingnya tempat penumpuan dagang. Kononnya di bawah pintu gerbang inilah tertanam harta benda yang sangat banyak.